

CNS7982

U GB 02-11 00206 BA399

aab

MAHATHIR BERSEDIA HADAPI TINDAKAN SAMAN MAJLIS PEGUAM
Mahathir - Peguam

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tetap bertegas bahawa Majlis Peguam telah membuat pembohongan mengenai sistem perundangan negara kepada dunia luar berhubung dengan isu pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata beliau bersedia ke mahkamah untuk membuktikan perkara itu sekiranya Majlis Peguam berhasrat untuk mengambil tindakan saman terhadapnya berhubung dengan isu itu.

+Kalau dia (Majlis Peguam) hendak saman (saya), dia orang saman ... tak apa. Kita ikut undang-undang,+ katanya ketika diminta mengulas kenyataan Majlis itu semalam yang meminta Datuk Seri Dr Mahathir memberi bukti mengenai perkara itu.

Presidennya, Encik Manjeet Singh Dhillon juga menafikan bahawa majlis itu pernah menyebarkan pembohongan mengenai sistem perundangan negara di dalam dan luar negeri.

Perdana Menteri berkata beliau mempunyai bukti daripada apa yang disampaikan oleh Persatuan Peguam Amerika kepadanya tentang tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Majlis Peguam berhubung dengan isu berkenaan.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas satu perjumpaan dengan para pemimpin UMNO bagi peringkat bahagian dan negeri di sini, beliau berkata Majlis Peguam telah mendakwa kononnya kerajaan +membuang+ Ketua Hakim Negara. -- Lagi

♥02/11/18-19MST

CNS7994

U GB 02-11 00137 BH876

AAR

Mahathir - Peguam 2 Kuala Lumpur

Sambil menegaskan bahawa kerajaan sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk memecat Ketua Hakim Negara, beliau berkata, kuasa itu terletak pada Yang di-Pertuan Agong, yang menerima nasihat daripada sebuah Tribunal.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Majlis Peguam tidak memberikan butir-butir lengkap mengenai isu pemecatan Tun Salleh kepada pertubuhan Amerika itu.

Katanya, majlis itu juga tidak menceritakan kepada pertubuhan itu mengenai tindakan lima orang hakim Mahkamah Agung lain yang cuba menghalang proses undang-undang dengan cuba menyekat laporan Tribunal itu daripada sampai kepada Yang di-Pertuan Agong.

Menurut beliau, majlis itu juga tidak menceritakan kepada pertubuhan tersebut mengenai usahanya untuk menyingkir Ketua Hakim Negara sekarang, Tun Abdul Hamid Omar.

+Sepatutnya mereka cerita betul-betul apa yang berlaku dan sebab-sebabnya,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama.

♥02/11/18-45MST